

Demi masa depan UMNO dan bangsa Melayu

PM: Buang sifat Brutus

KUALA LUMPUR 20 Nov. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini meminta ahli-ahli UMNO membuang sifat Brutus, watak jahat dalam cerita Shakespeare, demi masa depan parti dan bangsa Melayu.

"Kalau kita boleh hapuskan sifat Brutus, UMNO akan menjadi parti yang aman. Tidak akan ada percubaan untuk menjatuhkan seseorang.

"Tidak akan juga berlaku budi yang baik dibalas dengan perbuatan jahat," katanya disambut dengan tepukan gemuruh para perwakilan Perhimpunan Agung UMNO.

Menurut beliau, Brutus yang dimaksudkan dalam ucapannya ketika merasmikan Perhimpunan Agung UMNO kelmarin bukanlah individu-individu tertentu dalam parti, tetapi adalah nafsu yang ada dalam diri setiap orang.

Beliau mengingatkan semua ahli UMNO bahawa sekiranya mereka memiliki sifat Brutus iaitu mempunyai keinginan untuk berbuat jahat dengan memberi alasan yang baik, maka parti akan musnah.

Presiden UMNO itu berkata, banyak orang telah membuat andaian sendiri tentang siapakah Brutus dan beliau perlu membuat penjelasan untuk mengelakkan sebarang kekeliruan.

"Ada yang bertanya pada saya siapakah Brutus yang saya maksudkan. Ada yang berkata Brutus yang dimaksudkan ialah Timbalan Presiden saya.

■ Lihat muka 2

PM: Buang sifat Brutus

Ada pula yang menuduh pemangku Ketua Pergerakan Pemuda dan orang-orang lain yang tidak ada lagi dengan kita, dan ada yang berkata saya sendiri adalah Brutus.

"Sebenarnya, Brutus ialah nafsu, nafsu yang ada pada kita semua sebagai manusia," kata Dr. Mahathir dalam ucapan menggulung perbahasan pada hari terakhir Perhimpunan Agung UMNO petang ini.

Semasa merasmikan perhimpunan itu Jumaat lalu, Dr. Mahathir memperkatakan tentang Brutus, seorang anak angkat yang telah menikam dan membunuh bapa angkatnya Julius Caesar, seorang pembesar Rom.

Kenyataan Dr. Mahathir itu menimbulkan tandatanya tentang siapakah Brutus yang dimaksudkan di kalangan perwakilan yang menghadiri perhimpunan selama tiga hari itu.

Kata Perdana Menteri, mesej yang ingin beliau sampaikan ialah jangan dijadikan peristiwa Brutus membunuh bapa angkatnya, sebagai ikutan.

Dr. Mahathir menambah, suatu masa dulu, ada orang yang beliau naikkan dan sokong supaya dapat jawatan, selepas itu cuba hendak merebut tempat beliau pula.

"Itu balasan yang tidak baik. Kita balas budi baik dengan balasan yang baik, bukan dah naik kita nak turunkan orang," katanya sambil menambah, "Kalau hendak membuat baik buatlah baik, tetapi kalau hendak buat jahat jangan bagi alasan yang baik."

Perdana Menteri juga menjawab mengenai desakan para perwakilan yang mahu supaya kerajaan menggugurkan perkataan Islam pada parti Pas.

Kata Dr. Mahathir, penggunaan perkataan Islam dalam Pas bukan kerana pegangan kepada ajaran Islam tetapi untuk mengelirukan orang-orang Islam supaya menyokong parti mereka.

Beliau berpendapat, dalam usaha untuk meminta Pas menggugurkan perkataan Islam dari parti mereka, kerajaan harus berhati-hati.

"Bukan kerajaan tolak desakan ini tetapi ia mesti dilakukan secara berhati-hati supaya tidak ada tuduhan bahawa perbuatan itu adalah kerana muslihat politik UMNO," kata Dr. Mahathir.

Perdana Menteri mengulangi bahawa UMNO tidak takut pada Pas kerana parti itu tidak pernah menang dan membentuk kerajaan di negara ini kecuali di Kelantan dan pada satu ketika dulu di Terengganu.

UMNO juga, tegas beliau, tidak khawatir akan kalah dalam pilihanraya kerana Pas menggunakan perkataan Islam dalam partinya.

Kata Dr. Mahathir, bagaimanapun, kerajaan bertanggungjawab melindungi agama Islam kerana penyalahgunaan perkataan Islam boleh menimbulkan kekeliruan kepada apakah sebenarnya Islam.

Sambil memberi contoh bagaimana Muawiyah menggunakan Quran sebagai muslihat untuk menjatuhkan Saidina Ali sebagai khalifah Islam yang keempat, Dr. Mahathir berkata, adalah penting untuk umat Islam memahami bagaimana Quran telah digunakan secara tidak jujur untuk mencapai matlamat politik.

"Dalam sejarah Islam, Muawiyah telah menggunakan muslihat dalam usaha untuk memenangi peperangan dengan tentera Saidina Ali.

"Ketika hampir kalah, Muawiyah telah mengarahkan orangnya supaya meletakkan ayat Quran dihujung tombak dan pedang mereka sebagai satu muslihat.

"Keadaan ini menyebabkan tentera Ali berada dalam keadaan serba salah tetapi sebenarnya ini cuma satu muslihat iaitu menggunakan Quran untuk menipu," kata Dr. Mahathir.

Keadaan yang sama berlaku juga hari ini apabila ada pihak menggunakan Al-Quran untuk tujuan politik dan muslihat politik mereka dan malang sekali ramai pula yang mudah dipercayai apa yang mereka kata kerana parti mereka berlabelkan Islam.

Dalam sidang akhbar kemudiannya, Dr. Mahathir ketika ditanya dengan lebih lanjut mengenai perkara itu berkata, Pas sebenarnya bimbang pengaruh mereka akan hilang jika nama Islam digugurkan.

Ini menunjukkan mereka tidak ikhlas dalam perjuangan, tegas beliau.